



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE
 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
 NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
 Faks : 03-8882 3893
 03-8882 3894
 Web : www.treasury.gov.my

SULIT

Ruj. Tuan : MPC(PCT)100.2/1
 Ruj. Kami : MOF.BPK (S)600-15/8/19 JLD.2 (6)
 Tarikh : 2 Mac 2021

YBhg. Dato' Abd. Latif Hj. Abu Seman
 Ketua Pengarah
 Perbadanan Produktiviti Malaysia
 Peti Surat 64, Jalan Sultan
 46904 Petaling Jaya
 SELANGOR DARUL EHSAN

No. Faks: 03-7958 1697

YBhg. Dato',

**PERMOHONAN PELANTIKAN BAHARU EMPAT (4) BADAN PENILAI (AB) BAGI
 PENILAIAN KESEDIAAN (RA) INDUSTRY4WRD UNTUK TEMPOR SEHINGGA
 DISEMBER 2021**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia yang diterima melalui sistem *Electronic Government Procurement Application* pada 9 Februari 2021 mengenai perkara di atas. Maklumat tambahan diterima daripada MPC melalui e-mel bertarikh 24 Februari 2021 adalah berkaitan:

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah meneliti dan bersetuju meluluskan permohonan MPC untuk melaksanakan perolehan Penilaian Kesyediaan *Industry4WRD* (RA) secara tendangan terus di kalangan empat (4) syarikat Badan Penilai (AB) dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1,100,000.00 bagi tempoh pelaksanaan selama sembilan (9) bulan mulai 1 April 2021 sehingga 31 Disember 2021 seperti perincian di Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Bil.	Nama Syarikat AB	Anggaran Kos (RM)
i.	ASA EQS Certification (M) Sdn. Bhd. (AECMSB)	132,000.00
ii.	Intertek Certification International Sdn. Bhd. (ICISB)	440,000.00
iii.	WSP Engineering Malaysia Sdn. Bhd. (WEMSB)	198,000.00
iv.	Yokogawa Kontrol (Malaysia) Sdn. Bhd. (YKMSB)	330,000.00
Jumlah Keseluruhan (RM)		1,100,000.00



SULIT

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- a) Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini;
- b) Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- c) Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan PP/PK7.16 dan minit mesyuarat rundingan harga hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak;
- d) Hasil rundingan harga tersebut hendaklah dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Agensi dan sesalinan keputusan dikemukakan secara rasmi kepada MoF dengan menyertakan pecahan terperinci item dan harga yang dipersetujui untuk tujuan rekod;
- e) MPC bertanggungjawab untuk memastikan keempat-empat syarikat AB tersebut bebas daripada sebarang tindakan undang-undang sebelum surat tawaran dikeluarkan; dan
- f) MPC bertanggungjawab untuk memastikan keempat-empat syarikat AB tersebut mematuhi obligasi kontrak dan memenuhi spesifikasi serta mutu perkhidmatan yang ditetapkan.

4. MPC hendaklah memastikan pendaftaran MoF bagi keempat-empat AB tersebut adalah sah sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Selain itu, MPC juga hendaklah memastikan syarikat WEMSB dan syarikat YKMSB berdaftar dengan MoF di bawah kod bidang 222704: Pensijilan Dan Pengiktirafan sebelum bayaran dibuat.

5. Kelulusan ini diberikan merupakan kelulusan kali terakhir dan tidak boleh dijadikan *precedent* bagi perolehan lain seumpamanya di masa hadapan. Sekiranya terdapat pertambahan atau pengurangan syarikat AB, perubahan kos atau skop dan lain-lain perubahan syarat dalam dokumen kontrak bagi perolehan di atas, hanya hendaklah diuruskan berdasarkan *Standard Operating Procedures (SOP)* yang telah disediakan oleh MPC seperti mana yang ditetapkan dalam surat MoF bertarikh 18 Disember 2020. Oleh yang demikian, MPC hendaklah menyegerakan proses penyediaan SOP untuk dimuktamadkan di MoF.

6. Kerjasama pihak YBhg. 'Dato' adalah dipohon untuk memaklumkan status pelaksanaan perolehan dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat kelulusan ini dan mengemukakan sesalinan Surat Setuju Terima untuk rujukan dan rekod MoF.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(SUHAILA BINTI ALIANG MAHAT)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbelanjaan
Kementerian Kewangan Malaysia



MOF.BPK (S)600-15/8/19 JLD. 2 (6)
Mac 2021

SULIT

s.k.:

YBhg. Dato' Lokman Hakim Ali
Ketua Setdausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 28, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

No. Faks: 03 - 6211 0536

Dato' SBPK

Datn TSK(O)

KPMRC

